KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI & YANG LAIN lwn. GHAUR CHANDRAM MURUGESU & SATU LAGI RAYUAN

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHD ZAWAWI SALLEH HMR
IDRUS HARUN HMR
BADARIAH SAHAMID HMR
[RAYUAN SIVIL NO: W-01-92-03-2014 & W-01-(IM)-125-04-2014]
2 FEBRUARI 2016

GANTI RUGI: *Taksiran – Rayuan – Ganti rugi am – Banduan meninggal dunia akibat pergaduhan semasa ditahan reman di penjara – Tuntutan ganti rugi am oleh waris – Hakim bicara mengawardkan RM100,000 bagi ganti rugi am – Sama ada jumlah yang munasabah – Kuasa budi bicara hakim dalam mengawardkan ganti rugi – Sama ada hakim bicara terikat dengan mana-mana prinsip pengawardan*

GANTI RUGI: *Taksiran – Rayuan – Ganti rugi khas – Banduan meninggal dunia akibat pergaduhan semasa ditahan reman di penjara – Tuntutan ganti rugi khas atas kehilangan tanggungan oleh waris/tanggungan – Hakim bicara mengawardkan RM192,000 bagi ganti rugi khas – Sama ada jumlah yang munasabah – Sama ada tuntutan disokong oleh keterangan dokumentar – Sama ada waris/tanggungan berhak mendapat apa-apa ganti rugi bagi kehilangan tanggungan*

GANTI RUGI: *Taksiran – Rayuan – Ganti rugi teladan – Banduan meninggal dunia akibat pergaduhan semasa ditahan reman di penjara – Tuntutan ganti rugi teladan oleh waris/tanggungan – Hakim bicara mengawardkan RM100,000 bagi ganti rugi teladan – Sama ada orang tanggungan boleh menuntut ganti rugi teladan – Objektif award ganti rugi teladan – Akta Undang-Undang Sivil 1956, ss. 7 & 8*

TORT: *Kecuaian – Pelanggaran kewajipan statutori – Akta Penjara 1995 – Ganti rugi – Banduan meninggal dunia akibat pergaduhan semasa ditahan reman di penjara – Tuntutan ganti rugi am, khas dan teladan oleh waris/tanggungan – Sama ada jumlah yang diawardkan bagi ganti rugi am, khas dan teladan munasabah*

Ketika ditahan di penjara, seorang banduan reman ('si mati') telah meninggal dunia akibat cedera diserang oleh banduan-banduan lain. Bapa si mati, iaitu responden ('plaintif'), memfailkan tindakan terhadap perayu-perayu ('defendan-defendan') di Mahkamah Tinggi kerana, antara lain, cuai hingga menyebabkan kematian si mati dan melanggar kewajipan statutori mereka di bawah Akta Penjara 1995. Hakim bicara mengawardkan kepada plaintif, antara lain, (i) ganti rugi perbelanjaan pengebumian dan permohonan surat kuasa mentadbir harta pusaka, masing-masing berjumlah RM5,000 dan RM4,000; dan (ii) ganti rugi am, teladan dan khas, masing-masing berjumlah RM100,000, RM100,000 dan RM192,000. Oleh itu, timbul rayuan-rayuan

ini. Defendan-defendan merayu terhadap (i) ganti rugi perbelanjaan pengebumian dan permohonan surat kuasa mentadbir harta pusaka ('rayuan pertama'); dan (ii) award ganti rugi am, teladan dan khas ('rayuan kedua'). Namun begitu, defendan-defendan tidak meneruskan dengan rayuan pertama semasa perbicaraan dan hanya meneruskan dengan rayuan kedua. Defendan-defendan menghujahkan bahawa hakim bicara terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengawardkan (i) ganti rugi khas atas kehilangan tanggungan sedangkan plaintif gagal mengemukakan apa-apa dokumen untuk membuktikan bahawa pendapatan bulanan si mati berjumlah RM3,500 dan si mati memberi sumbangan bulanan berjumlah RM1,000 kepada plaintif; dan (ii) ganti rugi teladan sedangkan ini bertentangan dengan s. 7 dan/atau s. 8 Akta Undang-Undang Sivil 1956 ('AUS').

Diputuskan (menolak rayuan pertama; membenarkan sebahagian rayuan kedua):

Oleh Mohd Zawawi Salleh HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Award ganti rugi am tiada kaitan dengan kehilangan faedah yang dinikmati oleh plaintif tetapi berkaitan dengan isu mendapat pampasan bagi perasaan sedih, dukacita, sugul, kehilangan dan terputusnya kasih sayang akibat kematian orang yang tersayang secara mengejut. Walaupun award RM100,000 bagi ganti rugi am agak tinggi, ini bukan amaun yang berlebihan atau melampau. Award ganti rugi terletak dalam budi bicara hakim bicara dan beliau tidak terikat dengan kaedah atau peraturan tetap tertentu dan keputusan dalam kes-kes lain hanya sekadar panduan sahaja. (perenggan 34 & 36)

(2) Pernyataan plaintif tentang pendapatan dan sumbangan bulanan si mati tidak disokong oleh apa-apa dokumen. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna plaintif tidak berhak mendapat apa-apa ganti rugi khas bagi kehilangan tanggungan. Perniagaan yang dijalankan oleh si mati bukan melalui sebuah syarikat yang dikehendaki oleh undang-undang untuk mengemukakan penyata tahunan kepada Pendaftar Syarikat. Mahkamah seharusnya mengguna pakai pendekatan logik akal dalam menaksir amaun ganti rugi kehilangan tanggungan. Sekiranya diterima keterangan bahawa pendapatan bulanan si mati ialah RM3,500; amaun sumbangan bulanan yang munasabah, setelah menolak semua perbelanjaannya, ialah RM500. Amaun sumbangan bulanan si mati kepada keluarganya yang ditetapkan oleh hakim bicara sebanyak RM1,000 diganti dengan RM500 (RM500 x 12 bulan x 16 = RM96,000). (perenggan 14, 15, 16, 17, 19, 22 & 23)

(3) Hakim bicara terkhilaf apabila mengawardkan ganti rugi teladan kepada plaintif. Orang tanggungan yang membawa tuntutan di bawah AUS tidak berhak mendapat ganti rugi teladan. Ganti rugi teladan bertujuan menghukum defendan-defendan dan mencegah mereka daripada

mengulangi perbuatan terkutuk tersebut dan juga untuk mencegah orang lain daripada melakukan perbuatan yang sama. Berdasarkan keterangan, tindakan defendan-defendan tidak termasuk dalam apa-apa jua cara yang mewajarkan ganti rugi teladan diawardkan. Oleh itu, ganti rugi teladan sebanyak RM100,000 yang diawardkan oleh hakim bicara diketepikan (perenggan 24, 27 & 32)

English *Headnotes*

While being detained in prison, a remand prisoner ('the deceased') succumbed to his injuries resulting from an assault by other prisoners. The deceased's father, the respondent ('the plaintiff'), commenced an action against the appellants ('the defendants') at the High Court for, *inter alia*, the latter's negligence in causing the deceased's death and breach of their statutory duties under the Prisons Act 1995. The High Court awarded the plaintiff, *inter alia*, (i) damages for burial and application for letter of administration in the sums of RM5,000 and RM4,000, respectively; and (ii) general, exemplary and special damages in the sums of RM100,000, RM100,000 and RM192,000, respectively. Hence, the present appeals. The defendants appealed against (i) the damages for burial and application for letter of administration ('the first appeal'); and (ii) the general, exemplary and special damages ('the second appeal). However, the defendants did not proceed with the first appeal during trial and only proceeded with the second appeal. The defendants argued that the trial judge erred in law and in fact when His Lordship awarded (i) special damages for loss of contribution despite the plaintiff's failure to adduce any documents to prove that the deceased's monthly earnings were RM3,500 and that the plaintiff's monthly contribution to the plaintiff was RM1,000; and (ii) the exemplary damages even though this ran counter to s. 7 and/or 8 of the Civil Law Act 1956 ('CLA').

Held (dismissing first appeal; allowing second appeal in part)
Per Mohd Zawawi Salleh JCA delivering judgment of the court:

(1) The award of general damages had no connection to the loss of benefits enjoyed by the plaintiff but was in relation to the issues of obtaining compensation for pain, suffering, despair and loss of a loved one due to sudden and unexpected death. Even though the award of RM100,000 in general damages was quite high, it was not manifestly excessive. The awarding of damages fall under the trial judge's discretion and His Lordship is not bound by specific rules or regulations and the decision stemming from other cases would only act as a form of guidance.

(2) The plaintiff failed to prove on the balance of probabilities that the deceased's monthly earnings were RM3,500 and his monthly contribution to the plaintiff was RM1,000. The plaintiff's averments on the deceased's earnings and monthly contribution were not supported by

any documents. However, this did not mean that the plaintiff was not entitled to damages for loss of dependency. The deceased's business was not a company required by law to submit annual report to the Registrar of Companies. The court ought to employ the common sense approach in assessing the damages for loss of dependency. Should the evidence that the deceased's monthly earnings were RM3,500 be accepted, the reasonable contribution amount, deducting his expenses, was RM500. The amount of the deceased's monthly contribution fixed by the trial judge in the sum of RM1,000 was substituted with RM500 (RM500 x 12 months x 16 = RM96,000).

(3) The trial judge erred in awarding exemplary damages to the plaintiff. A dependant who initiates a claim under the CLA is not entitled to exemplary damages. Exemplary damages aim to punish the defendants and deter them from repeating the detestable act and also to deter others from committing the same act. On evidence, the defendants' acts did not fall under any manners that warranted the award of exemplary damages. Hence, the exemplary damages awarded by the trial judge in the amount of RM100,000 was set aside.

Kes-kes yang dirujuk:
Bonham-Carter v. Hyde Park Hotel Ltd [1948] 64 TLR 177 ***(dirujuk)***
Bowen v. Hoshue SCCA No 23/2002 CA ***(diikuti)***
Central Soya Jamaica Ltd v. Junior Freeman SCCA No. 18/1984 CA ***(diikuti)***
Daniels v. Jones [1961] 3 All ER 24 ***(diikuti)***
Davies v. Powell Duncan Duffryn Associated Collierie Limited [1942] 1 All ER 657 ***(dirujuk)***
Mariayee Veeran & Anor v. Mohammad Nasir Mohamed Ali & Anor [1985] 1 CLJ 416; [1985] CLJ (Rep) 224 FC ***(dirujuk)***
Mount Isa Mines Ltd v. Pusey [1970] HC 60 ***(dirujuk)***
Muhammad Hashim (Bapa Noor Azlan Muhamad (Simati) Bertindak Bagi Pihak Tanggungan) v. Teow Teik Chai & Anor [1996] 1 CLJ 615 HC ***(dirujuk)***
Protea Assurance Co Ltd v. Lamb [1971] (1) 530 (A) ***(dirujuk)***
Rookes v. Barnard (No 1) [1964] 1 AC 1129 ***(dirujuk)***
State of NSW v. Moss [2000] 54 NSWLR 536 ***(dirujuk)***
Zulkiply Taib & Anor v. Prabakar Bala Krishna & Ors And Other Appeals [2015] 2 CLJ 766 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Civil Law Act 1956, ss. 7, 8
Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B(2)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Charlesworth on Negligence, 3rd edn, pp 560 & 561, para 909
McGregor on Damages, 16th edn, p 44

Bagi pihak perayu - Habibah Haron (Huam Hooi Suan bersamanya); Peguam Kanan Persekutuan
Bagi pihak responden - Arnold Andrew; T/n Arnold Andrew & Co

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur; Guaman Sivil No: S21-153-2009] A

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh HMR: B

Pendahuluan

[1] Di hadapan mahkamah terdapat dua rayuan yang difailkan oleh perayu-perayu (defendan-defendan di Mahkamah Tinggi), iaitu:

(i) Rayuan Sivil No. W-01-92-03-2014; dan C

(ii) Rayuan Sivil No. W-01-(IM)-125-04-2015,

berhubung dengan tindakan yang difailkan oleh responden, Ghaur Chandran a/l Murugesu (plaintif di Mahkamah Tinggi), yang mendakwa bagi pihak diri sendiri dan kesemua orang tanggungan dan sebagai bakal pentadbir sah harta pusaka Uthaya Chandran (si mati) iaitu, seorang banduan yang telah meninggal dunia akibat diserang oleh banduan-banduan lain di Penjara Sungai Buloh, Selangor. D

[2] Rayuan (i) ialah terhadap keputusan hakim bicara bijaksana bertarikh 12 Februari 2014 yang mengawardkan ganti rugi-ganti rugi yang berikut: E

(a) membenarkan ganti rugi untuk perbelanjaan pengebumian sebanyak RM5,000, perbelanjaan bagi memohon surat kuasa mentadbir harta pusaka sebanyak RM4,000 dan ganti rugi khas kehilangan tanggungan di mana kuantumnya akan ditaksirkan; F

(b) membenarkan ganti rugi teladan di mana kuantum akan ditaksirkan;

(c) membenarkan ganti rugi am di mana kuantumnya akan ditaksirkan; dan

(d) kos tindakan akan ditentukan semasa taksiran.

[3] Rayuan (ii) ialah terhadap keputusan hakim bicara bijaksana yang telah membuat taksiran seperti berikut: G

(a) ganti rugi khas untuk kehilangan tanggungan sebanyak RM192,000;

(b) ganti rugi teladan sebanyak RM100,000;

(c) ganti rugi am sebanyak RM100,000; H

(d) faedah 5% setahun atas jumlah penghakiman dari tarikh penghakiman (12 Februari 2014) sehingga tarikh penyelesaian penuh; dan

(e) kos ditetapkan sebanyak RM60,000.

[4] Tidak ada rayuan difailkan terhadap keputusan mengenai liabiliti. I

[5] Bagi memudahkan rujukan dalam penghakiman ini, perayu-perayu akan disebut sebagai defendan-defendan dan responden sebagai plaintif.

Fakta Ringkas Kes

[6] Bagi membolehkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak dalam rayuan ini dihayati dalam perspektif yang betul, adalah suai manfaat sekiranya fakta kes dinyatakan secara ringkas seperti berikut:

(a) si mati telah ditahan berdasarkan perintah reman mahkamah bertarikh 15 Februari 2007 di Penjara Sungai Buloh bagi satu kesalahan di bawah s. 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952;

(b) pada 18 Mei 2008, telah berlaku satu pergaduhan antara banduan-banduan di Penjara Sungai Buloh semasa pengagihan catuan makan tengah hari di ruang legar berhampiran di Dewan A dan Dewan B, Blok Ehsan. Pergaduhan tersebut telah dicetuskan oleh banduan-banduan lain penjara. Akibatnya, si mati dan seorang lagi banduan bernama Joseph Stanley a/l Stanley Christian telah mengalami kecederaan;

(c) pihak warder yang bertugas telah berjaya menyuraikan pergaduhan tersebut dengan bantuan Unit Khas Penjara;

(d) si mati dan banduan yang cedera itu dibawa ke klinik penjara untuk mendapatkan rawatan kecemasan awal dan kemudiannya dibawa ke Hospital Sungai Buloh untuk mendapatkan rawatan lanjut. Si mati menghembuskan nafas terakhirnya di Hospital Sungai Buloh;

(e) seramai lapan orang banduan yang terlibat dengan pergaduhan di penjara itu telah didakwa di Mahkamah Tinggi Shah Alam di mana seramai empat orang banduan telah dihukum penjara selama enam tahun, dua orang banduan dihukum penjara selama lima tahun dan dua orang banduan lagi dilepas dan dibebaskan;

(f) plaintif mengambil tindakan terhadap defendan-defendan, antara lain, kerana mereka dikatakan telah cuai sehingga menyebabkan kematian si mati dan melanggar kewajipan statutori seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Penjara 1995; dan

(g) di akhir perbicaraan kes, hakim bicara bijaksana telah membenarkan tuntutan plaintif dan mengawardkan ganti rugi-ganti rugi seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Rayuan

[7] Semasa pendengaran rayuan, Peguam Kanan Persekutuan terpelajar telah memaklumkan mahkamah bahawa defendan-defendan tidak berhasrat untuk meneruskan rayuan bagi ganti rugi untuk perbelanjaan pengebumian sebanyak RM5,000 dan perbelanjaan bagi memohon surat kuasa harta pusaka sebanyak RM4,000. Defendan-defendan akan hanya meneruskan rayuan

terhadap ganti rugi khas bagi kehilangan tanggungan sebanyak RM192,000; ganti rugi teladan sebanyak RM100,000 dan ganti rugi am sebanyak RM100,000.

Hujahan Pihak-Pihak

[8] Mengenai ganti rugi khas untuk kehilangan tanggungan, Peguam Kanan Persekutuan terpelajar berhujah bahawa hakim bicara bijaksana terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila memberi award tersebut sedangkan plaintif gagal mengemukakan sebarang dokumen untuk membuktikan pendapatan si mati dan jumlah sumbangan bulanan kepada plaintif.

[9] Mengenai ganti rugi teladan, Peguam Kanan Persekutuan terpelajar berhujah bahawa hakim bicara bijaksana terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila mengawardkan ganti rugi teladan dan ganti rugi am sedangkan ia bertentangan dengan s. 7 dan/atau s. 8 Akta Undang-Undang Sivil 1956.

[10] Peguamcara terpelajar plaintif sebaliknya mempertahan award yang dibuat oleh hakim bicara bijaksana dan berhujah bahawa amaun yang diawardkan itu adalah wajar dan berdasarkan prinsip undang-undang yang kukuh.

Keputusan

Ganti rugi Kehilangan Tangggungan

[11] Metod pengiraan amaun ganti rugi bagi kehilangan tanggungan telah dinyatakan oleh Lord Wright dalam kes *Davies v. Powell Duncan Duffryn Associated Collierie Limited* [1942] 1 All ER 657 yang diikuti oleh mahkamah-mahkamah Malaysia. Ia telah diringkaskan dalam *Charlesworth on Negligence* (3rd edn), ms. 560 dan 561, perenggan 909 seperti berikut:

> Method of calculating damages: When the income of the deceased is derived from his own earnings, 'it then becomes necessary to consider what, but for the accident which terminated his life, work and remuneration, and also how far these, if realised, would have conducted to the benefit of the individual claiming compensation.' The manner of arriving at the damages is; (a) to ascertain the net income of the deceased available for the support of himself and his dependants; (b) (i) to deduct there from such part of his income as the deceased was accustomed to spend upon himself, whether for maintenance or pleasure, or (ii) what should amount to the same thing, to ascertain what part of his net income the deceased was accustomed to spend for the benefit of the dependants, and then; (c) to capitalise the difference between the sums (a) and (b) (i) or (b) (ii) (sometimes called the 'lump sum' or the 'basic figure') by multiplying it by a figure representing the proper 'number of years' purchase arrived at having regard to the deceased's expectation of life, the probable duration of his earning capacity, the possibility of his earning capacity being increased or decreased in the future, the expectation of life

A of the dependants and the probable duration of the continuance of the deceased's assistance to the dependants during their joint lives. From the sum thus ascertained must be deducted any pecuniary advantage received by the dependants in consequence of the death.

[12] Kami telah menyemak dengan teliti keterangan yang dikemukakan B oleh plaintif dalam menyokong tuntutan bagi kehilangan tanggungan. Kami mendapati bahawa keterangan SP1 adalah bercanggah dengan fakta yang diplidkan dalam pernyataan tuntutan. Di ms. 16 rekod rayuan jilid I - bahagian A, perenggan 4, pernyataan tuntutan, plaintif menyatakan:

C 4. Simati pada kesemua masa yang material berumur 23 tahun dan **bekerja sebagai seorang peniaga** dengan pendapatan sebanyak RM5,000.00 sebulan dan menanggung plaintif dan lain-lain tanggungan pada masa material tersebut.

(penekanan ditambah).

D **[13]** Semasa memberi keterangan pula, SP1 menyatakan bahawa si mati bekerja sebagai pemandu tow truck semenjak tahun 2006. Di ms. 46, rekod rayuan jilid 2(1) – Bahagian B, SP1 menyatakan:

Q: Soalan seterusnya, Encik Ghaur Uthaya Chandran bekerja sebagai pemandu kereta towing. Boleh saya tahu bila Uthaya Chandran mula bekerja sebagai pemandu kereta towing?

E

A: Sejak tahun 2006 Yang Arif Uthaya Chandran bekerja sebagai pemandu tow truck.

[14] Berdasarkan keterangan yang ada, kami tidak dapat menentukan dengan tepat apakah pekerjaan sebenar si mati dan apakah pendapatan F bulanan beliau. Nampaknya penyataan plaintif bahawa pendapatan bulanan si mati berjumlah RM3,500 dan beliau telah memberi sumbangan bulanan sejumlah RM1,000 kepada keluarga adalah tidak disokong oleh apa-apa dokumen seperti slip gaji, penyata Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, dokumen pajakan tow truck yang dikatakan telah dipajak oleh si mati bagi penggunaan kerjanya atau dokumen-dokumen lain yang berkaitan. G

[15] Pada hemat kami, plaintif telah gagal untuk membuktikan atas imbangan kebarangkalian bahawa sebenarnya pendapatan bulanan si mati ialah RM3,500 dan sumbangan bulanan kepada keluarga ialah RM1,000.

H **[16]** Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna plaintif tidak berhak untuk mendapat apa-apa ganti rugi bagi kehilangan tanggungan. Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa plaintif perlu membuktikan ganti rugi yang dituntutnya secara ketat ("strictly") dan tidak memadai hanya dengan "wrote down the particulars and, so to speak, throw them at the head of the court, saying, this is what I have lost; I ask you to give me these damages". I (Per Lord Goddard CJ dalam kes *Bonham-Carter v. Hyde Park Hotel Ltd* [1948] 64 TLR 177 di ms. 178).

[17] Pada hemat kami, dalam menimbangkan keterangan untuk membuktikan tuntutan seperti ini, mahkamah hendaklah menggunakan pendekatan logik akal ("common sense approach"). Adalah tidak munasabah untuk si mati yang bekerja sebagai seorang pemandu tow truck untuk menyimpan segala resit perniagaannya dan menyediakan akaun yang teratur. Mahkamah perlu mengambil kira bahawa si mati tidak menjalankan perniagaannya melalui sebuah syarikat yang dikehendaki oleh undang-undang untuk mengemukakan penyata tahunan kepada pendaftar syarikat. Dalam hubungan ini, kami bersetuju dengan pemerhatian yang dibuat oleh Cooke JA dari Mahkamah Rayuan Jamaica dalam kes *Bowen v. Hoshue*, SCCA No. 23 Tahun 2002 seperti berikut:

> ... to expect a sidewalk or a push cart vendor to prove her loss of earning with the mathematical precision of a well-organised corporation may well be what Bowen, LJ, referred to as "the vainest pedantry".

[18] Dalam satu lagi kes Jamaica, *Central Soya Jamaica Ltd v. Junior Freeman* SCCA No. 18 Tahun 1984, Mahkamah Rayuan menyatakan:

> In casual work cases it is always difficult for the legal advisers to obtain and present an exact figure for loss of earnings and although the loss falls to be dealt with under special damages, the Court has to use its own experience in these matters to arrive at what is proved on the evidence.
>
> This principle is no less applicable to a plaintiff involved in the sidewalk vending trade. This is a small scale of trading. Persons so involved do not engage themselves in the keeping of books of accounts. They pay their domestic bills from the day's sale. They provide their children with lunch money and bus fares from the day's sales without regard to accounting.

[19] Kami berpendapat bentuk perniagaan si mati tidak jauh bezanya dari keadaan yang dinyatakan dalam kes-kes di atas. Oleh itu, mahkamah seharusnya memakai pendekatan logik akal untuk membuat taksiran amaun ganti rugi kehilangan tanggungan dengan mengambil kira semua fakta dan keadaan yang wujud dalam kes rayuan ini bagi memberi keadilan kepada plaintif. Ini adalah sejajar dengan pandangan Holroyd Peace LJ dalam kes *Daniels v. Jones* [1961] 3 All ER 24 di ms. 28; [1961] 1 WLR 1103 di ms. 1109:

> ... arithmetic has failed to provide the answer which common sense demands.

[20] Dalam keadaan demikian, walaupun terdapat kesukaran dalam mentaksirkan jumlah sebenar kerugian tanggungan yang dialami oleh plaintif akibat kematian si mati, namun ia tidak melepaskan tanggungjawab defendan-defendan membayar amaun ganti rugi yang munasabah kepada plaintif. Dalam kes *State of NSW v. Moss* [2000] 54 NSWLR 536, Heydon JA dalam memperkatakan mengenai pendekatan yang perlu diambil dalam mentaksirkan kehilangan keupayaan (earning capacity), yang pada pandangan kami terpakai juga dalam mentaksir ganti rugi kehilangan tanggungan, berkata:

> In short, where earning capacity has been unquestionably reduced but its extent is difficult to assess, even though no precise evidence of earning rates is tendered, it is not open to the court to abandon the task and the want of evidence does not necessarily result in non-recovery of damages ... The task of the trier of fact is to form a discretionary judgment by reference to not only determinate criteria within fairly wide parameters. Though the trier of fact in arriving at the discretionary judgment must achieve satisfaction that a fair award is being made, since what is involved is not the finding of historical facts on the balance of probabilities, but the assessment of the value of a chance, it is appropriate to take into account a range of possible outcomes even though the likelihood of any particular outcome being achieved may be no more than a real possibility.

[21] Pada hemat kami, fakta bahawa plaintif telah kehilangan sumbangan bulanan akibat dari kematian si mati tidak dapat dipertikaikan. Peguam Kanan Persekutuan terpelajar secara jujur mengakui perkara ini dan mencadangkan bahawa amaun munasabah sumbangan bulanan si mati kepada plaintif ialah RM400 sebulan.

[22] Kami memuji tindakan yang diambil oleh Peguam Kanan Persekutuan. Pada pandangan kami, sekiranya diterima keterangan bahawa pendapatan bulanan si mati ialah RM3,500, amaun sumbangan bulanan yang munasabah ialah sebanyak RM500. Amaun ini dicapai setelah menolak perbelanjaan-perbelanjaan yang dinyatakan dalam kes *Davies* (*supra*), antara lain, si mati mungkin sakit dan dengan demikian tidak berupaya untuk menjana pendapatan; si mati mungkin berkahwin dan dengan demikian perlu mengurangkan sumbangan kepada keluarga, persaingan dalam perniagaan, perbelanjaan keperluan harian si mati dan seumpamanya.

[23] Mengambil kira kesemua faktor di atas, kami berpendapat amaun sumbangan bulanan si mati kepada keluarga yang ditetapkan oleh hakim bicara bijaksana sebanyak RM1,000 perlu diganti dengan amaun yang lebih munasabah iaitu RM500. Pengiraannya ialah seperti berikut:

RM500.00 x 12 bulan x 16 = RM96,000.00

Ganti rugi Teladan

[24] Kami bersetuju dengan hujah Peguam Kanan Persekutuan terpelajar bahawa hakim bicara yang bijaksana telah terkhilaf apabila membenarkan ganti rugi teladan kepada plaintif. Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa orang tanggungan yang membawa tuntutan di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956 adalah tidak berhak untuk mendapatkan ganti rugi teladan.

[25] Terdapat banyak nas yang menyokong proposisi undang-undang di atas. Dalam kes *Mariayee Veeran & Anor v. Mohammad Nasir Mohamed Ali & Anor* [1985] 1 CLJ 416; [1985] CLJ (Rep) 224; [1985] 1 MLJ 427, Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> Lastly, it was submitted by learned counsel for the plaintiffs that the learned trial judge erred in law in holding that the plaintiffs were not entitled to exemplary damages in all the circumstances and the pleadings herein. No authority binding on this court had been cited in support of such a proposition. In our judgment, this contention was entirely without merit and appears to be contrary to the law. Section 8(2)(a) of the Civil Law Act 1956 enacts that where a cause of action survives for the benefit of the estate of a deceased person, the damages recoverable for the benefit of the estate of that person shall not include any exemplary damages. There is no reason, in our opinion, why this provision should not be extended to cover a claim made for and on behalf of the dependents of the deceased. This ground also failed.

[26] Kes di atas telah dirujuk dan diikuti dalam kes *Muhammad bin Hashim (bapa Noor Azlan bin Muhamad (Simati) Bertindak Bagi Pihak Tanggungan) v. Teow Teik Chai & Anor* [1996] 1 CLJ 615, apabila Mahkamah Tinggi memutuskan:

> ... a claim by the persons qualified under s. 7(2) for "loss of support" is nothing more than a claim for financial loss; exemplary damages cannot be obtained in a claim made for and on behalf of the dependents of a deceased (see *Mariayee v. Mohamed-Nasir* [1985] 1 MLJ 427).

[27] Ganti rugi teladan adalah bertujuan untuk menghukum defendan-defendan dan mencegah mereka dari mengulangi perbuatan terkutuk tersebut dan juga untuk mencegah orang lain dari melakukan perbuatan yang sama. Ganti rugi teladan hanya boleh diawardkan jika ia telah memenuhi kategori-kategori yang ditetapkan dalam kes *Rookes v. Barnard (No 1)* [1964] 1 AC 1129 yang telah diterima oleh mahkamah-mahkamah Malaysia. Dalam kes tersebut, Lord Devlin telah menggariskan kategori-kategori tersebut seperti berikut:

> (a) the first category is oppressive, arbitrary or unconstitutional action by the servants of the government;
>
> (b) second category are those in which the defendant's conduct has been calculated by him to make a profit for himself which may well exceed the compensation payable to the plaintiff; and
>
> (c) expressly authorised by statute.

(Lihat juga kes *Zulkiply Taib & Anor v. Prabakar Bala Krishna & Ors And Other Appeals* [2015] 2 CLJ 766 (MR)).

[28] Walaupun sekiranya kategori-kategori di atas telah dipenuhi, terdapat beberapa kekangan lain yang menghadkan pengawardan ganti rugi teladan, antara lain ialah plaintif hendaklah merupakan mangsa perbuatan terkutuk tersebut. Lord Devlin dalam kes tersebut menyatakan di ms. 1227:

> [T]he plaintiff cannot recover exemplary damages unless he is the victim of the punishable behaviour.

[29] Dalam kes rayuan ini, mangsa ialah si mati dan bukannya plaintif kerana plaintif mendakwa bagi pihak diri sendiri dan kesemua orang tanggungan dan sebagai bakal pentadbir sah harta pusaka si mati.

[30] Kategori penting ialah defendan-defendan hendaklah didapati bertindak secara "oppressive, arbitrary or unconstitutional". Sama ada tindakan defendan-defendan termasuk dalam kategori tersebut adalah merupakan persoalan fakta yang perlu dilihat berdasarkan keseluruhan keterangan yang dikemukakan semasa perbicaraan. Dalam *McGregor on Damages*, edisi ke-16, dinyatakan di ms. 44:

> … central requirement for exemplary damages has always been the presence of outrageous conduct, disclosing malice, fraud, cruelty and the like.

[31] Persoalan penting yang perlu diputuskan ialah sama ada perbuatan defendan-defendan termasuk dalam kategori-kategori yang dinyatakan oleh Lord Devlin dalam kes di atas. Dalam hubungan ini keterangan yang relevan ialah seperti berikut:

(i) SD1 telah membawa si mati dan Joseph turun ke bawah kerana pada pendapatnya, adalah berbahaya untuk meninggalkan mereka di aras dua dan SD1 telah menghalang banduan-banduan lain dari aras dua turun dengan mengunci pintu wing dua aras dua. SP3 dalam keterangannya pula menyatakan bahawa sekiranya pintu wing tidak berkunci, pasti banduan-banduan dari aras atas akan turun ke bawah. (ms. 208 rekod rayuan);

(ii) serangan ke atas si mati dan SP3 oleh banduan-banduan lain di aras bawah adalah di luar jangkaan munasabah SD1 kerana tiada sebarang tanda atau maklumat mengenainya sebelum ini;

(iii) tindakan segera telah diambil apabila pergaduhan berlaku di mana bantuan UKP telah diminta sebaik sahaja pergaduhan tersebut berlaku, iaitu pada jam lebih kurang 12 tengah hari;

(iv) SD3, SD6 dan SD8 telah mengambil tindakan segera sebaik sahaja mereka menerima laporan melalui walkie talkie pada jam lebih kurang 12 tengah hari;

(v) SD2 telah bergegas ke tempat kejadian sebaik sahaja mendengar bunyi bising di Blok Ehsan. Beliau juga menghantar kedua-dua banduan ke klinik penjara apabila banduan-banduan yang menyerang telah mulai bersurai; dan

(vi) SD8 telah memberi arahan kepada semua pihak yang terlibat untuk menghantar si mati dan banduan yang lain dengan segera ke Hospital Sungai Buloh bagi mendapatkan rawatan.

[32] Selepas menganalisis keterangan-keterangan di atas, kami berpendapat bahawa tindakan defendan-defendan tidak termasuk dalam apa jua cara pun dalam kategori yang mewajarkan ganti rugi teladan diawardkan. Oleh itu, ganti rugi teladan sebanyak RM100,000 yang diawardkan oleh hakim bicara bijaksana diketepikan.

Ganti rugi Am

[33] Dalam mengawardkan ganti rugi am sebanyak RM100,000, hakim bicara bijaksana menyatakan di ms. 6 rekod rayuan tambahan (2) seperti berikut:

> Dalam mentaksirkan jumlah gantirugi sebanyak RM100,000.00 sebagai gantirugi am, mahkamah mengambil pandangan bahawa kematian mengejut simati di usia begitu muda berlaku semasa simati berada dalam kawalan sah pihak Defendan. Kematian demikian sudah tentu mengakibatkan penderitaan mental dan fizikal yang sangat mendalam dan tidak dapat diukur dan dikira dengan wang ringgit oleh Plaintiff dan ahli keluarga simati.

[34] Kami bersetuju. Adalah fakta yang tidak dapat dipertikaikan bahawa dengan kematian si mati telah terputus hubungan kasih sayang "bapa-anak" antara plaintif dan si mati. Tidak syak lagi plaintif akan mengalami "pain and suffering, loss of "consortium", bereavement and trauma". Ini adalah tindak balas emosional biasa dan dijangkakan akibat dari kematian anaknya tersebut. Perlu diambil perhatian bahawa ganti rugi yang dituntut ini tidak mempunyai apa-apa kaitan dengan kehilangan faedah yang selama ini telah dinikmati oleh plaintif tetapi adalah berkaitan dengan isu untuk mendapatkan pampasan terhadap perasaan sedih, dukacita, sugul, kehilangan dan terputusnya kasih sayang akibat dari kematian orang tersayang secara mengejut.

[35] Dalam kes *Mount Isa Mines Ltd v. Pusey* [1970] HC 60; [1970] 125 CLR 383, Windeyer J memberi pandangan berikut:

> Sorrow does not sound in damages. A plaintiff in an action of negligence cannot recover damages for a 'shock', however grievous, which was no more than an immediate emotional response to a distressing experience sudden, severe and saddening. It is, however, today a known medical fact that severe emotional distress can be the starting point of a lasting disorder of mind or body, some form of psychoneurosis or a psychosomatic illness. For that, if it be the result of a tortious act, damages may be had.

[36] Pada hemat kami, ganti rugi am sebanyak RM100,000 yang diawardkan oleh hakim bicara bijaksana adalah agak tinggi. Walau bagaimanapun, ia tidaklah merupakan satu amaun yang berlebihan atau melampau (manifestly excessive) yang memerlukan campur tangan kami. Pengawardan ganti rugi adalah merupakan budi bicara hakim bicara dan beliau adalah tidak terikat kepada kaedah atau peraturan tetap tertentu dan keputusan dalam kes-kes lain

hanya merupakan panduan semata-mata. Seperti yang dibuat permerhatian dalam kes Afrika Selatan, *Protea Assurance Co Ltd v. Lamb* [1971] (1) SA 530 (A) di ms. 535H - 536A:

> It should be emphasised, however, that this process of comparison does not take the form of a meticulous examination of awards made in other cases in order to fix the amount of compensation; nor should the process be allowed so to dominate the enquiry as to become a fetter upon the Court's general discretion in such matters.

[37] Kami telah memberi pertimbangan mendalam terhadap tuntutan ganti rugi ini dan pada pandangan kami demi keadilan dan dalam melaksanakan budi bicara kehakiman adalah wajar hakim bicara bijaksana mengawardkan ganti rugi am sebanyak RM100,000 tersebut.

Kesimpulan

[38] Berdasarkan alasan-alasan di atas, kami membenarkan sebahagian rayuan defendan-defendan seperti berikut:

(a) Rayuan Sivil No. W-01-92-03-2014

Rayuan ditolak. Award Mahkamah Tinggi untuk perbelanjaan pengebumian sebanyak RM5,000 dan perbelanjaan bagi memohon surat kuasa mentadbir harta pusaka sebanyak RM4,000 dikekalkan.

(b) Rayuan Sivil No. W-01(M)-125-04-2014

(i) rayuan dibenarkan sebahagian di mana ganti rugi kehilangan tanggungan dikurangkan seperti berikut:

RM500 x 12 x 16 = RM96,000.

(ii) ganti rugi teladan diketepikan; dan

(iii) ganti rugi am sebanyak RM100,000 dikekalkan.

[39] Kami tidak membuat apa-apa perintah mengenai kos.